

## **TEKS UCAPAN**

**YAB MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN  
DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN**

## **SEMPENA**

**MAJLIS ANUGERAH  
SISWAZAH CEMERLANG KELAS PERTAMA  
NEGERI SEMBILAN SIRI 1 TAHUN 2024**

**TARIKH : 9 JANUARI 2024 (SELASA)  
MASA : 9:30 PAGI  
TEMPAT : D'TEMPAT COUNTRY CLUB  
SENDAYAN**

**Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh  
Selamat Sejahtera  
Salam Malaysia Madani,  
Salam Bersih, Muafakat, Sejahtera.**

**YB Dato' Mohd Zafir Bin Ibrahim  
Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri  
Sembilan**

**YB Dato' Mohd Khidir Bin Majid  
Pegawai Kewangan Negeri, Negeri  
Sembilan**

**Yang Berbahagia Ahli-ahli Exco Kerajaan  
Negeri dan Ahli-ahli Dewan Undangan  
Negeri (ADUN) Negeri Sembilan**

**Yang Berbahagia Ahli-Ahli Lembaga  
Pemegang-Pemegang Amanah Yayasan  
Negeri Sembilan**

**Pengarah Yayasan Negeri Sembilan,  
Dato' Muhammad Nazri Bin Kassim**

**Jawatankuasa Majlis Anugerah Siswazah  
Cemerlang Kelas Pertama Siri 1 Tahun  
2024**

**Para ibu bapa Dan Penerima Anugerah  
Siswazah Cemerlang Kelas Pertama Siri  
1 Tahun 2024**

**Tuan-tuan, Puan-puan hadirin sekalian,**

1. Alhamdulillah bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan izinNya, kita dapat bersama-sama pada pagi ini, dalam satu majlis yang penuh ceria iaitu **Majlis Penghargaan kepada Siswazah Cemerlang Kelas Pertama Siri 1 Tahun 2024 Negeri Sembilan**. Alhamdulillah tradisi penting ini dapat diteruskan di penggal kedua saya memerintah negeri ini di bawah Kerajaan Perpaduan.

2. Terlebih dahulu, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Yayasan Negeri Sembilan

(YNS) serta seluruh jawatankuasa yang terlibat atas komitmen dalam menjayakan majlis yang sangat penting pada hari ini. Majlis penghargaan ini, amat signifikan dalam memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada siswazah cemerlang kelas pertama, khususnya siswazah anak-anak Negeri Sembilan. Sehubungan itu, pada hari ini terdapat **152 orang pelajar cemerlang** yang bakal menerima hadiah wang tunai sebanyak **RM5,000.00** seorang beserta sijil penghargaan. Penghargaan ini melibatkan perbelanjaan sebanyak **RM760,000.00** sumbangan Kerajaan

Perpaduan Negeri Sembilan. **148 orang** penerima terdiri daripada graduan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) & Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan **4 orang graduan** dari institusi pengajian tinggi luar negara United Kingdom.

3. Di hari yang berbahagia ini juga turut memahat sejarah penting apabila salah seorang daripada penerima anugerah untuk sesi ini merupakan **Allahyarhamah saudari Farra Wahida binti Ibrashid** yang telah

kembali kerahmatullah pada 20 Januari 2023 yang lalu. Allahyarhamah merupakan graduan cemerlang Universiti Teknologi MARA yang mencatatkan CGPA 3.54 dan Allahyarhamah hari ini diwakili oleh bondanya yang tercinta.

**Tuan-tuan Puan-puan hadirin hadirat  
sekalian,**

4. Kata Malcolm X atau Haji Abdul Malik el-Shabbaz, aktivis hak asasi kulit hitam Amerika suatu ketika dahulu pernah

berkata, ***“Education is the passport to the future, for tomorrow belongs to those who prepare for it today”*** atau ertinya "Pendidikan adalah pasport untuk masa depan, kerana hari esok adalah milik mereka yang mempersiapkannya hari ini". Oleh itu, Kerajaan Negeri sentiasa percaya kepada agenda pendidikan sebagai agenda utama mencerdaskan anak bangsa dan mempersiapkan mereka untuk berhadapan dengan cabaran masa hadapan.

5. Tujuan utama pendidikan adalah bukan sekadar melahirkan graduan cemerlang akademik semata-mata tetapi juga kecemerlangan yang seimbang daripada segi intelektual, akhlak, emosi dan jasmani selaras dengan ruh Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan insan seimbang.

6. Selaras dengan agenda yang dibawa oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dalam gagasan Malaysia Madani yang bercita-cita untuk memacu Malaysia menjadi sebuah negara maju secara fizikal manakala

rakyatnya juga turut maju daripada segi nilai-nilai manusiawi dan akhlak insani.

7. Kemajuan fizikal dan rohani ini mustahil untuk dicapai melainkan melalui proses pendidikan yang mempersiapkan anak-anak bukan hanya mempunyai kelulusan akademik yang cemerlang tetapi juga akhlak dan karakter yang unggul. Negeri Sembilan dalam Belanjawan 2024 yang saya umumkan baru-baru ini mencatat sejarah apabila memperuntukkan sejumlah **RM 11.8 juta** di bawah **Teras Pendidikan dan Modal**

**Insan** bagi menjayakan Program Pendidikan dan pembangunan Modal Insan.

8. Sehubungan itu pihak Yayasan Negeri Sembilan telah menyediakan **Pinjaman Pendidikan** kepada siswazah yang hendak menyambung pengajian di peringkat Sarjana dan PhD. Sekiranya ada yang dalam proses menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi, datanglah ke Yayasan Negeri Sembilan agar mereka dapat membantu anda.

**Tuan-tuan Puan-puan hadirin hadirat  
sekalian,**

9. Suka saya tegaskan bahawa iltizam Kerajaan Negeri adalah sentiasa menghargai dan mengiktiraf budaya kecemerlangan, kesungguhan dan kerajinan anak-anak negeri dalam bidang akademik. Bagai lebah menghimpun madu, bagai semut penghimpun melukut, sudah mengilang membajak pula, tak jemu-jemu seperti ombak memecah pantai, sehari selebar benang, lama-lama menjadi sehelai kain.

10. Penganjuran majlis penghargaan seumpama ini akan dapat menjadi tonik penggalak kepada para siswazah untuk terus berusaha dengan memberikan komitmen kepada pengajian, tradisi ilmu dan budaya kecemerlangan yang berkualiti tinggi. Para siswazah harus kompetatif mewujudkan persaingan yang sihat dalam membuktikan keupayaan diri masing-masing dan secara tidak langsung akan mempertingkatkan mutu pendidikan negara ke tahap global.

11. Harapan saya, agar pengiktirafan dan penghargaan ini, dapat melonjakkan motivasi kepada saudara-saudari untuk berjaya ke lapangan yang lebih tinggi, seterusnya menjadi *role model* dan mentor terbaik kepada masyarakat khususnya adik-adik di bawah yang sangat dahagakan idola kejayaan yang hampir dengan mereka.

12. Saya juga mengharapkan saudara-saudari yang telah berjaya kelak untuk kembali menyumbang secara proaktif kepada negeri yang tercinta ini sama ada dalam bentuk idea, tenaga, wang ringgit

mahupun masa agar kita terus sama-sama membangunkan Negeri Sembilan tercinta ini. Balasan budi ini bukan kepada pihak Kerajaan sebaliknya anda membalas budi kembali kepada rakyat Negeri Sembilan ibarat hutang harus dibayar, piutang harus diterima.

**Hadirin Hadirat yang dikasihi sekalian,**

13. Setiap kejayaan pasti ada pendorong kuat di belakangnya, tidak lain tidak bukan ibubapa anda sendiri. Syabas dan tahniah

kepada para ibubapa, kerana anak-anak anda telah mencapai satu kejayaan yang amat membanggakan bukan sahaja kepada keluarga tetapi kepada negeri. Kerana segenggam pengorbanan dan kasih-sayang mereka anda berjaya bak kata pepatah, kasih ibubapa sepanjang jalan, kasih anak sepanjang penggalan. Balaslah budi dan jasa ibubapa dan para pensyarah, jangan melupakan jasa orang yang membantu anda ibarat meninggalkan puntung suluh di anak tangga. Budaya kacang lupakan kulit bukan budaya kita.

**“Kalau menebang si pohon jati  
Papan di Jawa dibelah belah  
Kalau hidup tidak berbudi  
Umpama pokok tidak berbuah”**

**Tuan-tuan puan-puan hadirin sekalian.**

14. Bagi meneruskan agenda pendidikan berterusan dan memastikan kesinambungan kecemerlangan pelajar, maka pihak Yayasan Negeri Sembilan (YNS) meneruskan komitmen pada tahun 2024 dengan mengagihkan bantuan *lap top*

dan skim dermasiswa sara hidup kepada mahasiswa B40 yang memerlukan. Dalam Belanjawan 2024 Negeri Sembilan saya telah mengumumkan sejumlah **RM 3.60 juta** bagi tujuan meneruskan skim dermasiswa sara hidup ini. Selain itu juga, segala keuntungan dan pendapatan yang dijana oleh pihak Yayasan Negeri Sembilan (YNS) berkat tatakelola yang baik dikembalikan semula untuk kepentingan pendidikan anak negeri dan program pembangunan mahasiswa dalam pelbagai aspek seperti kepimpinan, kerjaya, kerohanian dan kemasyarakatan.

15. Buat akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada penerima Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama Siri 1 Tahun 2024 Negeri Sembilan. Tidak lupa juga kepada pihak urusetia majlis iaitu Yayasan Negeri Sembilan (YNS) yang telah bertungkus lumus dalam memastikan penganjuran majlis ini berjalan dengan lancar dan kemas bagai dinding diapit.

16. Akhir kata, dengan lafaz **BISMILLAH HIRRAHMANIR RAHIM** saya merasmikan **Majlis Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama Negeri Sembilan Tahun 2024**. Tahniah buat anda semua.

**Sekian, terima kasih.**

**Wabillahi Taufiq wa al-hidayah**

**Assalamualaikum Warahmatullahi**

**Wabarakatuh**